WINGS

# Jom Raya Bonanza

## Beli & Menang

28 Mei - 30 Jun 2018

Peluang memenangi hadiah-hadiah sehingga

# RM100,000*

**HADIAH UTAMA x1**
**RM5,000**
Barangan Emas HABIB



**Hadiah Mingguan x 5:**

| PERTAMA x1 | KEDUA x5 | KETIGA x10 | SAGU HATI x100 |
|---|---|---|---|
| Wang Tunai | Wang Tunai | Wang Tunai | Baucar |
| RM1,000 | RM800 | RM400 | RM100 |

* Tertakluk kepada Terma dan Syarat Wings Jom Raya Bonanza. Paparan hadiah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan peraduan untuk masa terhad.

Affix Stamp Here
Lekat Setem Di Sini

**WINGS JOM RAYA BONANZA**
Gentle Supreme Sdn Bhd
P.O. Box 3046, 47509,
Subang Jaya, Selangor.



## CARA PENYERTAAN:

### 1. BELI

**Produk Wings bernilai RM20 ke atas untuk memenangi Hadiah Mingguan dan RM40 ke atas untuk Hadiah Utama.**

### 2. JAWAB

**Tandakan [✓] dalam kotak di bawah untuk jawapan yang betul: Mi Sedaap, Daia Smart, Daia dan BOOM adalah jenama-jenama yang mengambil bahagian. BETUL atau SALAH?**

☐ **BETUL** ☐ **SALAH**

### 3. HANTAR

**Hantar penyertaan melalui pos biasa**
**ATAU**
**Whatsapp gambar resit dengan (WingsBonanza)<jarak>(Amaun Pembelian)<jarak>(Nama)<jarak>(MyKad No.)<jarak>(Jawapan Betul ATAU Salah) ke 016-824 8462.**

**Contoh:**
**WingsBonanza RM42.88 Nurhidayah bt Ali 860501148826 Betul**

**Produk-produk yang mengambil bahagian:**

## LENGKAPKAN MAKLUMAT PERIBADI ANDA:

**Nama seperti dalam MyKad :** ____________________

Sila lipat di sini

**MyKad No. :** ☐☐☐☐☐☐ - ☐☐ - ☐☐☐☐

**Alamat :** ____________________

____________________

**Negeri :** ____________________ **Poskod :** ____________________

**No. Telefon (Rumah) :** ____________________ **(Bimbit) :** ____________________

## SYARAT & PERATURAN PERADUAN:

**Penganjur & Kelayakan**

1. Peraduan WINGS Jom Raya Bonanza - ["Peraduan"] ini dianjurkan oleh Gentle Supreme Sdn. Bhd. [497222-U] ["Pihak Penganjur"] dan dibuka kepada semua penduduk Malaysia yang berusia 18 tahun ke atas pada 28/05/2018 [Peserta].
2. Golongan individu berikut tidak layak untuk menyertai Peraduan ini:
   (a) Kakitangan Pihak Penganjur [termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya] dan ahli keluarga terdekat mereka [anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri]; dan/atau
   (b) Wakil, kakitangan, pekerja dan/atau ejen pembekal khidmat pengiklanan dan/atau Peraduan Pihak Penganjur [termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya], dan ahli keluarga terdekat mereka [anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri].
3. Pihak Penganjur berhak untuk mengecualikan dan/atau membatalkan kelayakan Peserta yang tidak termasuk dalam kategori Peserta dan/atau yang melanggar Syarat dan Peraturan Peraduan.

**Tempoh**

Peraduan ini akan bermula dari 28/05/2018 pada "00:00:01" hingga 30/06/2018 pada "23:59:59" ["Tempoh Peraduan"]. Pihak Penganjur berhak meminda Tempoh Peraduan pada bila-bila masa sahaja tanpa memberi notis terlebih dahulu. Semua penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan dibatalkan secara automatik.

**Tempoh Peraduan**

(a) Minggu Pertama : 28 Mei 2018 - 3 Jun 2018
(b) Minggu Kedua : 4 Jun 2018 - 10 Jun 2018
(c) Minggu Ketiga : 11 Jun 2018 - 17 Jun 2018
(d) Minggu Keempat : 18 Jun 2018 - 24 Jun 2018
(e) Minggu Kelima : 25 Jun 2018 - 30 Jun 2018

**Penghantaran Penyertaan & Kriteria Kelayakan**

1. Beli mana-mana produk MI SEDAAP, DAIA, DAIA SMART dan/atau BOOM yang bernilai RM20 ke atas dalam satu (1) resit bercetak dari mana-mana kedai yang turut serta sepanjang Tempoh Peraduaan berpeluang untuk memenangi Hadiah Mingguan dan/atau beli mana-mana produk MI SEDAAP, DAIA, DAIA SMART dan/atau BOOM yang bernilai RM40 ke atas dalam satu (1) resit bercetak dari mana-mana kedai yang turut serta sepanjang Tempoh Peraduaan berpeluang untuk memenangi Hadiah Utama.
2. Jawab satu (1) soalan yang tertera pada borang penyertaan peraduan dengan betul.
3. Penyertaan Peraduan ini boleh dibuat secara digital melalui WhatsApp Messaging ["WAM"] dari sebarang nombor telefon bimbit terdaftar di Malaysia.
4. Terdapat dua (2) cara untuk menyertai Peraduan ini, iaitu sama ada melalui pos ATAU melalui aplikasi WAM. Semua bentuk penghantaran lain termasuk perkhidmatan kurier, atau POS Laju akan dibatalkan. Setiap Borang Peraduan ("BP") hanya layak bagi satu (1) penyertaan SAMA ADA melalui pos atau WAM. Penganjur berhak untuk membatalkan mana-mana penyertaan pos dan/atau WAM yang disertakan dengan BP yang berulang.
   - **Penyertaan melalui pos:**
     Isi butir-butir yang dikehendaki dengan lengkap dan beri satu (1) jawapan betul dalam setiap borang penyertaan. Borang yang telah diisi dengan lengkap bersama resit rasmi mesti dikirimkan melalui pos biasa ke alamat Peti Surat yang dinyatakan dalam borang penyertaan.
   - **Penyertaan melalui WhatsApp Messaging ["WAM"]:**
     Peserta dikehendaki memberi nama penuh (seperti tertera pada MyKad) dan nombor MyKad. Ambil gambar Resit Rasmi dan hantar gambar tersebut melalui WAM ke +6016-824 8462.
5. Setiap satu (1) resit tunggal tersebut melayakkan peserta untuk satu (1) penyertaan melalui Pos ATAU Aplikasi WhatsApp.
6. Untuk menyertai Peraduan ini, Peserta dikehendaki memberi nama penuh (seperti tertera pada MyKad) dan nombor MyKad. Ambil gambar Resit Rasmi dan hantar gambar tersebut melalui WAM ke +6016-824 8462.
7. Memandangkan +6016-824 8462 adalah talian khas yang disediakan oleh Penganjur, TIADA perakuan penerimaan akan dihantar oleh Penganjur berkaitan semua Penyertaan yang dikemukakan/dihantar oleh Peserta kepada Penganjur melalui WhatsApp atau MMS.
8. Peserta MESTI menyimpan Resit Rasmi asal yang dikemukakan dalam penyertaan untuk pengesahan Pemenang dan penebusan hadiah untuk Aplikasi WhatsApp. Kegagalan untuk menunjukkan Resit Rasmi apabila diminta akan mengakibatkan pembatalan kelayakan dan hadiah.
9. Setiap peserta berhak/layak menghantar lebih daripada satu (1) penyertaan tetapi setiap penyertaan mesti disertakan dengan satu (1) Resit Rasmi unik yang lengkap dengan butiran yang dikehendaki. Penyertaan dengan butiran yang tidak lengkap, tidak boleh dibaca dan/atau tidak tepat dan tidak betul, berulang dan/atau gambar Resit Rasmi tidak jelas akan dibatalkan.
10. Pihak Penganjur tidak bertanggungjawab atas sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemotongan, kerosakan, kelewatan, kegagalan operasi atau transmisi, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau perubahan komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telefon, laman web, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem, peranti, perisian, kegagalan e-mel atau penerimaan penyertaan disebabkan oleh masalah teknikal atau kesesakan lalu-lintas internet atau perkhidmatan telekomunikasi.
11. Setiap penyertaan layak yang diterima sepanjang Tempoh Peraduan akan diperuntukkan satu [1] nombor bersiri.

**Hadiah-hadiah & Proses Pemilihan Pemenang**

1. Terdapat satu (1) Hadiah Pertama Mingguan, lima (5) Hadiah Kedua Mingguan, sepuluh (10) Hadiah Ketiga Mingguan dan seratus (100) Hadiah Saguhati Mingguan untuk lima (5) minggu berturut-turut. Terdapat sejumlah satu (1) Hadiah Utama, lima (5) Hadiah Pertama Mingguan, dua puluh lima (25) Hadiah Kedua Mingguan, lima puluh (50) Hadiah Ketiga Mingguan dan lima ratus (500) Hadiah Saguhati Mingguan untuk dimenangi sepanjang Tempoh Peraduan seperti di bawah:
   Minggu Pertama : 28 Mei 2018 - 3 Jun 2018
   Minggu Kedua : 4 Jun 2018 - 10 Jun 2018
   Minggu Ketiga : 11 Jun 2018 - 17 Jun 2018
   Minggu Keempat : 18 Jun 2018 - 24 Jun 2018
   Minggu Kelima : 25 Jun 2018 - 30 Jun 2018
   (a) Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri bagi setiap Penyertaan pos atau WAM. Jumlah nombor bersiri yang diperuntukkan sepanjang Tempoh Hadiah Mingguan akan dibahagikan dengan seratus enam belas (116) bagi menentukan nombor bersiri yang menang. Contoh Nombor bersiri yang terpilih adalah nombor bulat terdekat yang lebih rendah yang didapati selepas pembahagian. Contoh: Jika jumlah nombor bersiri yang diperuntukkan sepanjang Tempoh Hadiah Mingguan adalah 9,280, jumlah ini akan dibahagikan kepada seratus enam belas (116) bagi menentukan nombor bersiri yang ke-80.
   (b) Bagi pembelian yang bernilai RM40 dan ke atas, peserta-peserta berpeluang memenangi Hadiah Utama di mana Pemenang Hadiah Utama akan dipilih berdasarkan amaun pembelian tertinggi dalam satu (1) resit dengan jawapan betul. Jika terdapat penyertaan yang sama nilai, penyertaan dengan jawapan yang betul dan yang diterima paling awal akan diisytiharkan sebagai pemenang Hadiah Utama.
2. Peserta-peserta layak memenangi satu (1) Hadiah Utama atau satu (1) Hadiah Mingguan sahaja sepanjang Tempoh Peraduan.
3. Para pemenang yang layak dikehendaki menghantar SEMUA resit rasmi (bertarikh dalam Tempoh Peraduan) yang sepadan dengan SEMUA penyertaan WAM, salinan kad pengenalan dan salinan sah Pasport Malaysia melalui Pos Laju/kurier dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja selepas tarikh pemberitahuan sebagai pengesahan bukti pembelian. Sekiranya gagal, pihak Penganjur berhak untuk membatalkan kelayakannya dan memilih peserta seterusnya sebagai pemenang.
4. Para pemenang akan diumumkan oleh pihak Penganjur di mana-mana laman web berikut: **www.Gentlesupreme.com.my**, **www.facebook.com/daiamalaysia** dan **www.facebook.com/MiSedaapMalaysia**
5. Hadiah-hadiah Peraduan:
   - HADIAH UTAMA berupa barangan kemas RM5,000 setiap satu.
   - HADIAH PERTAMA MINGGUAN berupa wang tunai bernilai RM1,000 setiap satu.
   - HADIAH KEDUA MINGGUAN berupa wang tunai bernilai RM800 setiap satu. Lima (5) pemenang hadiah kedua mingguan setiap minggu.
   - HADIAH KETIGA MINGGUAN berupa wang tunai bernilai RM400 setiap satu. Sepuluh (10) pemenang hadiah ketiga mingguan setiap minggu.
   - HADIAH SAGUHATI MINGGUAN berupa baucar bernilai RM100 setiap satu. Seratus (100) pemenang hadiah saguhati mingguan setiap minggu.

Sila lipat di sini

6. Semua kos perjalanan, penginapan, kos peribadi dan/atau lain-lain kos, yuran dan/atau perbelanjaan berkaitan yang timbul untuk menuntut hadiah merupakan tanggungjawab tunggal pemegang. Sekiranya Pihak Penganjur mengadakan upacara majlis penyampaian hadiah, setiap pemenang dikehendaki untuk menghadiri atas perbelanjaan sendiri untuk menuntut hadiah. Hadiah-hadiah yang gagal dituntut enam puluh (60) hari selepas tarikh pemberitahuan kemenangan hadiah akan dilupuskan oleh Pihak Penganjur.
7. Pihak Penganjur berhak atas budi bicara mutlaknya, menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah lain yang senilai dengannya, pada bila-bila masanya tanpa memberi notis terlebih dahulu. Hadiah-hadiah tidak boleh dipindah milik dan akan diberikan dalam 'keadaan sedia ada' dan tidak boleh ditukarkan dengan kredit dan barangan lain atau baucar secara sebahagian atau sepenuhnya.
8. Semua pemenang mestilah mematuhi terma dan syarat yang ditetapkan oleh Pihak Penganjur dan/atau pihak yang menyediakan hadiah dan juga terma dan syarat yang disertakan bersama hadiah berkenaan, jika ada.
9. Resit Rasmi dan/atau gambar yang palsu dan/atau tidak lengkap dan penyertaan duplikasi akan mengakibatkan pembatalan kelayakan dan hadiah.

**Liabiliti & Tanggungjawab**

1. Pemenang dan warisnya akan bertanggungjawab dan menanggung liabiliti sepenuhnya jika berlaku sebarang kerugian, kejadian tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kehilangan nyawa) akibat mengambil bahagian di dalam Peraduan ini, menuntut dan/atau menggunakan hadiah Peraduan ini dan bersetuju untuk melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Pihak Penganjur terhadap sebarang liabiliti.
2. Semua kos pengangkutan, penginapan, kos peribadi dan/atau sebarang kos, yuran dan/atau perbelanjaan lain yang berkaitan untuk menyertai Peraduan ini dan menuntut hadiah adalah tanggungjawab pemenang sepenuhnya.

**Hak Penganjur**

1. Pihak Penganjur berhak menggunakan nama dan/atau gambar pemenang dan hadiah-hadiahnya sebagai bahan untuk tujuan pengiklanan dan/atau perdagangan dan/atau publisiti dan pemenang tidak berhak membuat tuntutan pemilikan atau mendapat sebarang bentuk pampasan untuk bahan tersebut.

**Notis Privasi**

1. Dengan menyertai peraduan ini, peserta bersetuju untuk mengizinkan data peribadi mereka dikumpul, diproses dan digunakan oleh pihak penganjur sejajar Notis Privasi yang dipaparkan di laman web www.Gentlesupreme.com.my, www.facebook.com/daiamalaysia dan www.facebook.com/MiSedaapMalaysia
2. Selain itu, tanpa menjejaskan syarat-syarat dalam Notis Privasi penganjur, peserta bersetuju dan membenarkan tarikh atau maklumat peribadi mereka dikumpul, diproses dan digunakan oleh pihak Penganjur untuk:
   (a) Keperluan Peraduan ini.
   (b) Aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan mengikut cara yang Pihak Penganjur rasa sesuai dalam mana-mana media, tidak terhad kepada sebarang bentuk pengiklanan atau publisiti media dan bahan-bahan seperti audio dan/atau rakaman visual, disiarkan melalui surat khabar, rangkaian televisyen, stesen radio atau dalam talian dan media digital serta Internet, tanpa kebenaran lanjut dari peserta. Aktiviti pemasaran dan promosi tidak terhad kepada penggunaan dan/atau penerbitan apa-apa maklumat yang diberikan dalam dan/atau berkaitan dengan entri, termasuk respon dan juga gambar yang berkaitan.

**Terma & Syarat**

1. Keputusan Pihak Penganjur adalah muktamad dan sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.
2. Dengan menyertai Peraduan ini, peserta bersetuju untuk mematuhi dan terikat kepada Terma dan Syarat ini serta keputusan Pihak Penganjur.

**Untuk maklumat lanjut, layari** **daiamalaysia** **MiSedaapMalaysia** **Gentlesupreme.com.my** **Mi Sedaap.com.my**